



أونیورسیتی ملیسیا فجع السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN BADMINTON

1. NAMA

Peraturan ini dijalankan mengikut undang –undang Persekutuan Badminton Sedunia (BWF)

2. PERATURAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan AM Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) yang dikuatkuasa sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan mewakili Fakulti dibawah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

4. UNDANG UNDANG PERMAINAN

4.1 Tiap- tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 8 orang pemain bagi satu pasukan.

4.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.

4.3 Hanya pemain pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

5. FORMAT PERTANDINGAN

5.1 Pertandingan akan dijalankan secara berpasukan dan terbahagi kepada Lima (5) kategori iaitu :

- 5.1.1** Perseorangan Lelaki
- 5.1.2** Perseorangan Wanita
- 5.1.3** Bergu Lelaki
- 5.1.4** Bergu Wanita
- 5.1.5** Bergu Campuran

6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1** Pertandingan ini akan dijalankan secara Liga Berkumpulan.
- 6.2** Bagi peringkat awal, sistem kiraan mata yang digunakan ialah 30 mata dimana,pertukaran gelanggang diadakan pada kiraan mata ke 15 untuk setiap perlawanan.
- 6.3** Bagi peringkat ***Suku Akhir*** sehingga ***Perlawanan Akhir***,sistem kiraan 21 mata digunakan dengan sistem “best of 3”.

7. PAKAIAN

- 7.1** Pakaian seragam mengikut Peraturan BWF.
- 7.2** Bagi acara beregu,pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.

8. PERTUKARAN PEMAIN AKIBAT KECEDERAAN

- 8.1** Pemain yang mengalami kecederaan hanya boleh diganti dengan pemain yang didaftarkan dalam pasukan,dimana bila penggantian dilakukan akibat kecederaan,pemain yang digantikan DIBENARKAN bermain 2 acara.
- 8.2** Bagi proses pertukaran,pemain yang mengalami kecederaan perlu mendapat pengesahan daripada Pasukan Perubatan UMPSA di venue.

KELEWATAN

Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 30 - 0 bagi pusingan awal dan 21-0 bagi pusingan Separuh Akhir hingga Akhir.